

# Hang Tuah antara polemik, citra negara

## Komentari



**Teo Kok Seong**

Penulis Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia dan EXCO Majlis Profesor Malaysia

**P**olemik ketepatan fakta watak Hang Tuah (HT) akan berterusan sehingga sesuatu konkrit ditemui dari segi tempat asal, nama betul dan lebih penting lagi kewujudannya yang benar pada abad ke-15 dalam pemerintahan Melaka.

Apa-apa pun sehingga terbukti sah, HT dalam sebarang bentuk, watak benar atau dongeng, tidak boleh dikesampingkan daripada ceritera tentang negara ini kerana HT sesungguhnya fenomena negara yang patut digunakan dalam proses pembentukan negara bangsa.

Sehubungan itu, banyak kisah HT secara persendirian mahupun bersama empat rakannya, hendaklah digemblengkan bagi membolehkan implikasi positif untuk memberi inspirasi kepada golongan muda khususnya dalam usaha pembentukan perwatakan, iaitu mengenai keberanian luar biasa dan hebat HT serta kesetiaan amat mendalam.

HT melalui hendaklah diserlahkan sebagai legenda negara dalam pembentukan watak rakyat, kisah

mengenainya dan sebagai pahlawan disanjung. HT juga tokoh negara. Riwayatnya penting untuk membentuk sahsiah rakyat Malaysia. HT bukan saja lambang negara kerana keperibadiannya terserlah dalam sejarah, bahkan set nilai negara yang mustahak kepada rakyat.

Set nilai inilah yang perlu diterapkan kepada anak bangsa agar mereka berani, yakni tidak mudah patah semangat, selain setia, iaitu teguh hati pada setiap waktu dalam menempuh cabaran.

### Keistimewaan cara hidup

Perwatakan kebangsaan ini, selain menjadi pemikiran dan kelakuan seluruh rakyat, sebenarnya adalah keistimewaan cara hidup sebagai rakyat Malaysia. Sikap ini bukan saja dikongsi bersama, bahkan dipamerkan oleh rakyat dari segenap lapisan setelah menerima pembawaan sama.

Berdasarkan watak HT, gagasan keberanian dan kesetiaan rakyat negara ini dalam konteks perwatakan kebangsaan, sebetulnya ialah stereotaip negara, iaitu citra

yang ingin dipupuk antaranya untuk menyemai semangat kebangsaan, selain memperlihatkan identiti nasional.

Selain berani dan setia, HT juga memperlihatkan sifat memiliki kesedaran budaya tinggi. Dengan kebolehan menutur banyak bahasa, HT bukan saja poliglot, bahkan polibudaya, iaitu mempunyai pengetahuan mengenai banyak budaya. Ini kerana bahasa dan budaya itu berkait rapat.

Melalui sifat ini, khususnya polibudaya atau polikulturalisme, HT memperlihatkan sikap menerima semua budaya seadanya sebagai setara belaka. Semua budaya termasuk bahasa dan agama di dalamnya, bukan sahaja perlu diterima sebagai wujud bersama-sama, bahkan lebih penting ialah segala perbezaan yang wujud tidak boleh sekali-kali diserlahkan, apatah lagi dibanding-bandingkan.

Ia hendaklah diterima dengan simpati dan pemahaman tinggi, yakni dengan kesedaran mafhum serta kewarasan tuntas.

Natijah penting watak polibudaya HT ialah penganjuran sikap

antirasisme. Ini kerana HT menganggap manusia yang pelbagai keturunan sebagai keluarganya dan dunia dengan kerencaman budaya di dalamnya sebagai kediaman. Watak HT yang tidak bersifat perkauman perlu diikuti kita semua untuk hidup dengan harmoni walaupun berlainan keturunan dan budaya.

Oleh sebab ketokohan HT dalam pelbagai bidang, namanya diabadikan di alam Melayu. Antaranya perkampungan di Pusat HT di Melaka, institusi pendidikan sebagai Universiti HT di Jakarta dan Surabaya, jalan raya di Kuala Lumpur dan Melaka, bangunan dengan nama HT Mall di Melaka, aset Pasukan Keselamatan Malaysia sebagai *Kapal Diraja HT*, anugerah keberanian, iaitu Pingat HT di Malaysia dan stadium di Melaka dan Pekanbaru, Sumatera.

Dengan ini, HT selaku ikon rumpun Melayu dan juga Malaysia dan Indonesia, perlu terus dijulung sebagai citra negara dalam bentuk konsepsi dan figuranya untuk dampak bestarinya, khususnya dalam pembentukan perwatakan kebangsaan.

Watak HT yang tidak bersifat perkauman perlu diikuti kita semua untuk hidup dengan harmoni walaupun berlainan keturunan dan budaya”